

# UTHM proaktif perkasa pengajian diploma

BATU PAHAT 31 Mei - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil langkah proaktif memperkasakan pengajian diploma dan menyasarkan pengambilan seramai 2,500 pelajar peringkat tersebut menjelang 2015.

Menurut kenyataan Pusat Pengajian Diploma UTHM, langkah itu diambil bagi memberi peluang yang lebih terbuka kepada pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi selepas menamatkan pengajian diploma khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat.

Pihak universiti juga menawarkan kesemua pelajar diploma yang berada di semester terakhir dan memepati syarat ditetapkan untuk masuki mana-mana program Ijazah Sarjana Muda yang bersesuaian di UTHM.

UTHM juga akan menawarkan 12 program diploma pada sesi pengajian 2012/2013 termasuk lima program baru iaitu Teknologi Kejuruteraan Awam, Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal, Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Sains Gunaan.

Program diploma sedia ada yang

ditawarkan UTHM adalah Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Awam serta Teknologi, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektrik serta Teknologi, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Mekanikal serta Teknologi dan Teknologi Maklumat.

Kata kenyataan itu, lebih banyak program baru sedang dirancang dan akan ditawarkan sebaik sahaja program-program tersebut diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Mulai pengambilan semester 1 sesi 2011/2012, empat program diploma dipendekkan tempoh penga-

jian daripada tiga tahun kepada dua setengah tahun tanpa mengurangkan jumlah kredit, isi kandungan kurikulum dan silibus program tersebut.

Program terbabit adalah Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Teknologi Maklumat.

Bagi memperkasakan lagi program itu, Pusat Pengajian Diploma UTHM mempunyai Jawatankuasa Penasihat Industri untuk memberikan nasihat dan saranan terutamanya dalam penambahbaikan kuri-

kulum supaya dapat memenuhi keperluan industri.

UTHM turut mempunyai tenaga pengajar berpengalaman dan berkelayakan, infrastruktur dan fasiliti termaju, pendekatan pembelajaran berdasarkan hasil dengan tumpuan kepada pelajar berbanding kaedah biasa yang berfokuskan pensyarahan, selain yuran serendah RM225 untuk satu semester.

Menurut kenyataan itu lagi, semua program-program Diploma yang ditawarkan di UTHM adalah diiktiraf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.